

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI MOHD SALIM
SHARIF (JEMPOL)**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI HAJI MOHD. SALIM SHARIF (JEMPOL) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula kadar bantuan kewangan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada penerima sedia ada supaya selari dengan kos sara hidup semasa

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kebajikan berbentuk kewangan bagi meringankan beban kumpulan sasar yang **bersifat sementara**, sehingga kumpulan sasar ini mampu untuk keluar dari putaran kemiskinan ke arah hidup berdikari.
- Bantuan kebajikan yang diberikan **bukan untuk menampung kos sara hidup sepenuhnya**, sebaliknya ia bertujuan **untuk membantu kelangsungan hidup kumpulan sasar yang layak dan memerlukan**.

Untuk makluman Yang Berhormat,

- Pada tahun 2021, Kerajaan telah mengkaji semula kadar bantuan kewangan JKM dan meluluskan kenaikan kadar bagi lima (5) skim utama iaitu Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), Elaun Pekerja OKU (EPOKU) dan Bantuan Warga Emas (BWE).
- Kadar bantuan yang dinaikkan melibatkan skim bantuan kebajikan adalah seperti berikut:
- Bantuan Kanak-Kanak (BKK) daripada RM100.00 kepada RM150.00 bagi seorang kanak-kanak dengan kadar maksimum RM1,000.00 sebulan satu (1) keluarga : Memberi manfaat kepada **65,599 keluarga miskin** dan sebanyak **RM165.53 juta** peruntukan telah disalurkan sehingga **Jun 2022**.
- Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) daripada RM350.00 kepada maksimum RM500.00 mengikut keperluan kes : Memberi manfaat kepada **26,163 Penjaga OKU dan Pesakit**

SOALAN NO.1

Terlantar dan sebanyak **RM79.4 juta** peruntukan telah disalurkan sehingga **Jun 2022**.

- Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) daripada RM250.00 kepada RM300.00: Memberi manfaat kepada **89,075 OKU** yang tidak bekerja dan sebanyak **RM160.2 juta** peruntukan telah disalurkan sehingga **Jun 2022**.
- Elaun Pekerja OKU (EPOKU) daripada RM 400.00 kepada RM 450.00 : Memberi manfaat kepada **95,820 OKU** yang bekerja dan sebanyak **RM 257.9 juta** peruntukan telah disalurkan sehingga **Jun 2022**.
- Bantuan Warga Emas (BWE) daripada RM 350.00 kepada RM 500.00 dan telah memberi manfaat kepada **138,949 warga emas** dan sebanyak **RM421.2 juta** peruntukan telah disalurkan sehingga **Jun 2022**.
- Secara keseluruhannya, seramai 416,236 penerima bantuan bagi skim ini sedang menerima manfaat daripada kenaikan kadar berkenaan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
(SIBUTI)**

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI (SIBUTI) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status bantuan bulanan kit asas kebersihan diri secara percuma kepada 130,000 remaja wanita B40 yang dibentangkan dalam Bajet 2022 dan apakah bantuan tersebut sampai kepada remaja wanita di kawasan luar bandar, pedalaman dan komuniti Orang Asli.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI (KLUANG)

TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN WONG SHUQI (KLUANG) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan maklumat Bantuan Kit Asas Kebersihan Diri Percuma bagi remaja wanita yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2022 secara terperinci:

- (a) Jumlah permohonan yang telah diterima dan dilulus oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia; dan
- (b) Jumlah pengagihan mengikut negeri dan jumlah wang yang telah dibelanja berbanding dengan peruntukan RM10 juta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan daripada **YB Sibuti bertarikh 1 Ogos 2022** bersekali dengan pertanyaan daripada **YB Senator Puan Wong Shu Qi bertarikh 4 Ogos 2022** kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait dan merujuk kepada isu yang sama.

Di bawah Belanjawan 2022, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengambil inisiatif membantu remaja perempuan di kalangan B40 dengan melaksanakan Program Pemberian Kit Kebersihan Asas Wanita Kepada Remaja Perempuan atau dikenali sebagai Kit SERI iaitu dengan izin *Social Empowerment of Reproductive Health Initiatives*.

Program ini melibatkan pemberian Kit Kebersihan Asas Wanita kepada 130,000 remaja perempuan di kawasan luar bandar dan bandar yang juga meliputi penerima Orang Asli menerusi 1,124 sekolah menengah terpilih dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Untuk makluman Dewan Yang mulia, peruntukan yang disalurkan Kerajaan Persekutuan untuk program ini adalah sebanyak 10 juta ringgit melibatkan 2 agensi pelaksana iaitu KPWKM dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Pecahan peruntukan adalah sebanyak 3 juta ringgit kepada KPWKM dan 7 juta ringgit kepada KDN.

Sejumlah RM3 juta yang telah diperuntukkan kepada KPWKM melalui LPPKN ini adalah meliputi perolehan untuk tuala wanita pakai buang dan tuala wanita guna semula serta program pendidikan SERI iaitu aspek pengurusan haid yang betul dan kesihatan reproduktif kepada remaja.

SOALAN NO. : 5 & 76

Pembekalan bantuan tuala wanita pakai buang ini adalah untuk pembekalan selama 12 bulan bagi setiap penerima secara berkala melalui Pejabat Pendidikan Daerah.

Bagi Fasa satu (1), pembekalan bantuan tuala wanita pakai buang oleh KPWKM melalui LPPKN telah **selesai disalurkan kepada 130,000 remaja terpilih untuk bekalan 4 bulan pada 30 Jun 2022.**

Fasa perbekalan kedua bagi tempoh lapan (8) bulan berikutnya akan diedarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia (JPM) kepada penerima remaja perempuan yang sama.

Untuk makluman Dewan Yang mulia juga, LPPKN turut mengambil inisiatif melaksanakan Program Pemberian Kit SERI Tuala Wanita **Guna Semula** bagi penggunaan jangka masa panjang kepada remaja di komuniti **bermula bulan Julai 2022.** Inisiatif ini akan memanfaatkan 3,000 orang remaja perempuan termasuk di kawasan luar bandar, pedalaman dan komuniti orang Asli di seluruh Malaysia. Sejumlah 800 remaja orang Asli akan menerima manfaat ini.

Kementerian ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana turut membantu bekerjasama memudahkan capaian program ini ke kawasan pedalaman dan komuniti orang Asli.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
(LANANG)**

TARIKH : 1 OGOS 2022

SOALAN

YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bantuan dan perkhidmatan yang sedia ada dan akan diadakan di Sarawak untuk membantu golongan kanak-kanak yang mengalami gangguan seksual terutama di sekolah dan di rumah dan sama ada mahkamah khas untuk kes gangguan seksual kanak-kanak akan disediakan di setiap negeri terutama di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, mana-mana kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun boleh disabitkan hukuman di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792] tidak kira di mana-mana tempat termasuk sekolah dan rumah.

Kerajaan juga telah mewujudkan Mahkamah Khas Jenayah Seksual Kanak-kanak (Mahkamah JSKK) sejak tahun 2017. Mahkamah JSKK yang pertama di Malaysia telah ditubuhkan di Putrajaya dan Mahkamah JSKK kedua pula telah ditubuhkan di Kompleks Mahkamah Kuching, Sarawak. Pada masa ini Mahkamah JSKK telah diwujudkan di 14 lokasi secara keseluruhan bagi memastikan akses yang menyeluruh kepada rakyat.

KPWKM menyedari wujudnya kekangan daripada sudut perundangan dan polisi sedia ada terhadap isu gangguan seksual dan telah mengambil inisiatif untuk menggubal Rang Undang-Undang Antigangguan Seksual (RUU AGS) sebagai forum alternatif melalui penubuhan Tribunal untuk menyelesaikan aduan gangguan seksual secara sivil di semua tempat tidak kira sama ada ia berlaku di rumah, pejabat ataupun di tempat awam. Ini termasuklah aduan gangguan seksual melibatkan kanak-kanak yang berfokuskan kepada pemberian remedi khusus (tebus rugi) kepada mangsa dengan mudah, murah dan cepat. Di bawah Fasal 13 (3) RUU AGS telah menyatakan seorang belum dewasa atau mana-mana yang tidak berupaya boleh diwakili oleh sahabat wakil atau penjaga *ad litem*nya semasa sesi pendengaran.

Selain daripada itu, KPWKM turut menyediakan Perkhidmatan Talian Kasih 15999 sebagai platform penghubung antara kumpulan sasar dengan pihak kementerian bagi tujuan pertanyaan, aduan dan permohonan bantuan yang turut merangkumi aspek antara lain kaunseling, perlindungan dan kebajikan termasuk aduan gangguan seksual.

Sekian, terima kasih.